

Warta 100 KONVO

Edisi 18 November 2024

KEMENJADIAN MAHASISWA KEUTAMAAN UiTM MELAKA



Oleh: Nur Aqilah Hayati Riduan

Berbekalkan dengan nilai-nilai positif yang sentiasa diterapkan di kalangan warga Universiti Teknologi MARA, ianya menjadi teras utama nilai kecemerlangan untuk dihayati.

Justeru nilai-nilai positif inilah juga yang memacu aspirasi UiTM Melaka dalam memastikan kemenjadian mahasiswanya berada di tahap yang maksimum.

Menurut Profesor Datuk Ts. Dr. Mohd. Rasdi Zaini yang kini menjalankan fungsi Rektor UiTM Melaka, nilai-nilai ESI-iDART menjadi teras utama buat beliau dan barisan kepimpinan serta pensyarah dalam melihat UiTM Melaka terus melahirkan graduan yang cemerlang.

“Sepertimana di kampus induk, UiTM Melaka tidak ketinggalan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sekaligus menjadikan mahasiswa kita terus mendapat permintaan tinggi majikan sebaik mereka menamatkan pengajian serta tidak ketinggalan mereka yang menceburi bidang keusahawanan”, kata Prof Datuk Ts. Dr. Mohd. Rasdi Zaini yang ditemui selepas konvokesyen sidang ke-9 Istiadat Konvokesyen ke 100 UiTM di Dewan Agung Tuanku Canselor.

Ketika ditanya mengenai perancangan di masa hadapan, UiTM Melaka merancang untuk kekal menjadi antara kampus yang sentiasa melahirkan graduan yang berdaya

saing menerusi peningkatan kualiti yang berterusan.

“Kami juga bertanggungjawab dalam memastikan graduan yang dilahirkan ini bersedia untuk berdepan cabaran masa kini yang memerlukan mereka dipersiapkan menerusi pelbagai kemahiran khususnya penguasaan dalam bidang akademik”, tambah beliau.

Istiadat konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 971 graduan menerima ijazah masing-masing dari beberapa fakulti antaranya termasuklah Fakulti Perladangan dan Agriteknologi, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Fakulti Perakaunan dan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan.



KEMAHIRAN INSANIAH BUKAN SEKADAR PELENGKAP



oleh : Maria Madelina Kiri



Seringkali orang beranggapan bahawa tugas seorang pelajar adalah hanya fokus pada bahagian akademik semata-mata sepanjang pengajian.

Namun, berbeza pula dengan Zahrina Zaidi, 23, graduan Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Perhubungan Awam yang menyangkal tanggapan tersebut.

Menurut Zahrina, ianya merupakan suatu perkara yang membolehkan kita untuk meningkatkan keupayaan diri kita apabila menyertai aktiviti kampus sewaktu pengajian di peringkat diploma dan sarjana muda.

“Itu lebih membuka minda kita supaya lebih nampak bahawa kita sepatutnya menggunakan kemahiran yang kita ada untuk membantu lebih ramai lagi masyarakat di luar sana yang memerlukan khidmat kemahiran kita,” katanya.

Justeru itu, keupayaan diri adalah peyumbang kepada kebolehsuaian kita untuk berada di suatu tempat baharu apabila memasuki ke era pekerjaan.

Tambah Zahrina lagi, kalau seseorang hanya fokus pada pembelajaran akademik sahaja, mereka hanya berjumpa dengan lingkungan yang sama. Namun, sentiasa aktif dan terlibat aktiviti kampus dan berkenalan dengan orang lain membolehkan mereka untuk melihat sesuatu perkara dari sudut perspektif lain.

Dengan penglibatannya semasa dalam program kepimpinan dan sukarelawan semasa di kampus amat membantu untuk mengasah kemahiran berkomunikasi beliau dengan yakin.

“Saya tidak pernah menyesal menyertai aktiviti-aktiviti kampus secara aktif ketika pengajian saya di UiTM Melaka kerana itulah yang membentuk saya pada hari ini.

Kemahiran insaniah amat berharga dan menjadi satu keperluan dalam mengecapi kejayaan dunia pasaran kerja yang kompetitif hari ini, selain mempersiapkan masa depan yang cerah.

Hal ini terbukti apabila Zahrina mampu meningkatkan kemahiran komunikasi di samping memberi kesan positif kepada prestasi akademik, sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Zahrina kini bekerja di Unit Komunikasi Korporat Kementerian Sumber Manusia selepas menamatkan pengajian sarjana muda di UiTM Melaka setahun yang lalu dan memanfaatkan kemahirannya ketika bekerja.

Beliau berkongsi lagi bahawa amat sayang sekali apabila pelajar tidak berusaha menguasai elemen kemahiran insaniah yang tidak menepati piawai dan keperluan industri semasa.



“TERIMA KASIH ATAS DOA DAN SEMANGAT KALIAN”



Oleh : Mohd Erwannizam Osmand

**“Jumpa lagi semua!!!
Semoga Zul Haziq cepat
sembuh!!!”**

Itulah kata-kata terakhir dalam satu hantaran yang ditinggalkan oleh Allahyarham Zul Haziq sebelum Allahyarham kembali menemui Penciptanya September lalu. Seharusnya Allahyarham Zul merupakan salah seorang graduan yang menaiki pentas konvokesyen namun Allah lebih menyayanginya setelah bertarung dengan sindrom Budd-Chiari sejenis penyakit yang jarang berlaku.

Menurut keluarga beliau, Allahyarham Zul Haziq yang juga seorang Presiden IPRMSA sangat aktif melibatkan diri di universiti kerana dirinya yang gemar untuk menyertai apa-apa jenis program yang dijalankan.

Majlis graduasi beliau yang diwakilkan oleh abangnya Muhammad Zul Asyraf Bin Zainudin 31, bersama ibu beliau Norma Binti Ali 55 yang hadir untuk melihat dan menerima pemberian terakhir yang

ditinggalkan Allahyarham kepada keluarga.

“Boleh dikatakan dia adalah satu sosok yang boleh menggantikan saya jika saya sudah tiada nanti untuk menjaga ibu kami kerana antara kami adik beradik, dia yang paling dekat dengan mak” itulah kata-kata seorang abang yang dalam masa yang sama masih tidak boleh menerima pemergian seorang adik yang sangat dekat dengannya.

Menurutnya lagi Allahyarham zul haziq seorang yang tidak boleh duduk mendiamkan diri, pasti akan ada sahaja aktiviti yang dia akan lakukan seperti menanam bunga yang juga hobi kepada beliau.

Zul Haziq bukan sekadar pelajar cemerlang; beliau adalah seorang pemimpin dengan mengetuai IPRMSA selain aktif dalam pelbagai program universiti, membawa inspirasi kepada ramai.

Dengan pencapaian cemerlangnya yang konsisten, beliau hampir pasti layak menerima Anugerah Naib Canselor, namun perjuangannya melawan penyakit menyebabkan fokusnya terganggu.

Pada mulanya beliau menjangkakan ianya cuma sakit gastrik biasa dan tidak pernah membuat rawatan susulan sehinggalah satu hari di mana kakinya telah bengkak dan di rawat di hospital barulah dirinya sedar telah mengidap penyakit yang tiada ubat itu.

Meskipun begitu beliau masih boleh bergurau dengan kondisi dirinya yang tinggal menunggu hari selagi tidak menukar organ hatinya

“Bila-bila masa akan dipanggil. Sepanjang aku tak sedar, aku minta maaf kalau tak sempat reply segala mesej korang semua. Terima kasih banyak atas doa dan semangat yang diberikan,” tulisnya di akaun instagram miliknya sebelum memasuki bilik operasi buat kali terakhir.

Konvokesyen kali ini menjadi saksi kehilangan seorang graduan yang penuh semangat dan dedikasi. Sorakan kegembiraan bercampur dengan air mata duka. Hanya memori yang kini tinggal untuk dikenang.



“KEISTIMEWAAN MEREKA, PENCETUS SEMANGAT UNTUK BERJAYA!”



Oleh: Annisa' Azlan

Kebanyakan kita mungkin dilahir dan dibesarkan oleh ibu dan bapa yang sempurna sifatnya namun bagi Nurjiha Norzman, 22 tahun lain pula ceritanya.

Kedua-dua ibu bapa beliau merupakan Orang Kelainan Upaya pendengaran dan pertuturan namun berbekalkan perjalanan hidup mereka sekeluarga, bukan alasan untuk beliau tidak menamatkan pengajian dengan jayanya di Universiti Teknologi MARA, UiTM.

Menggunakan bahasa isyarat dalam sesi temubual bersama ibu dan bapa seorang graduan Diploma Pengurusan Pelancongan, Norzam Sajat dan Norzman Baba, mereka mengatakan bahawa membesarkan anak dalam keadaan yang berbeza berbanding keluarga lain bukanlah satu tugas yang mudah.

“Saya dan suami tak mampu menahan air mata dari mengalir bila tengok anak-anak saya dah jejakkan kaki ke pentas kejayaan. Mengingatkan susah payah kami untuk memastikan Aliyah dan

Jiha membiasakan diri dengan cara komunikasi bersama ibu bapa mereka,” luah Norzam dengan senyuman.

Ibu dan bapa kepada Siti Noraliyah Azman iaitu kakak graduan, juga mengakui bahawa perasaan mereka agak sensitif dan mudah tersentuh lebih-lebih lagi kesemua anaknya berjaya menggenggam skrol, juga menjadi simbol kejayaan buat mereka yang membesarkan anak-anak.

Namun begitu, walaupun Norzam dan Norzman merasakan ia adalah kekurangan, tetapi tidak buat anak-anak mereka. Aliyah mengatakan bahawa dia tidak pernah sesekali membandingkan keadaan ibu bapanya dengan keluarga orang lain.

Tambah Aliyah, malah dia merasa bangga yang tak terhingga kerana ibu bapa mereka tetap cuba untuk memastikan dua beradik tersebut merasa cukup dengan kehadiran mereka berdua.

“Saya banyak terima reaksi dari orang sekeliling apabila mereka

dapat tahu yang saya ada mak bisu pekak dan ayah yang pelat pekak. Tapi saya bersyukur kerana tanggapan yang saya terima adalah yang baik-baik belaka.

“Lagilah mereka kagum sebab mak ayah saya dapat bagi kehidupan yang sempurna kat anak-anak dalam keadaan mereka yang agak kurang berbanding orang lain. Dahlah mak ayah saya ni manja, selalu tanya kami berdua bila nak balik rumah. Haih,” kata Aliyah sambil ketawa.

Nurjiha menambah, kasih sayang dan ketabahan ibu bapa lebih berharga daripada apa jua kekurangan mereka. Sentiasa bersyukur dengan adanya mereka berdua, hidup tetap akan terasa sempurna walaupun terselit ‘kelainan’.

Hidup terasa sempurna walaupun terselit ‘kelainan’. Kata-kata ini mampu menggambarkan perasaan sebuah keluarga graduan UiTM yang mempunyai cara tersendiri untuk kekal bahagia



LENSA CONVO 100

SIBANG HEBASE
JAWATANKUASA WAJIB KONVO 100

Penasihat
 Prof. Dr. Laila Raha Mohamed Jus,
 Penolong Naib Canselor Kanan/Korpus Strategik

Penasihat Editorial
 En. Ahmad Faisal Mohamed Yus,
 Pengerusi Kelab Media Baru

Ketua Editor
 En. Atiqur Abd Halim,
 Ketua Unit Perhubungan Aras dan Media

Ketua Wartawan
 Msa. N. Aqilah Husaini Halima

Wartawan
 Azzura Azlin
 Mohd. Fauzanisya Osman
 Nurul Maizah Ayyiqin Ghaffar
 Nurul Hafiza Shuhaimi Han
 Maryikal Sarah Ismail Chan
 Nurulhidayah Haniffa Nurulhidayah
 Nur Haniffa Izzah Abdul Latif

Penaja Grafik
 Maria Madhira Kari
 Farhana Aisyah Binti Muhammad Saleem

Fotografi
 Pejabat Korpus Strategik

Unit Perhubungan Aras dan Media
 Pejabat Korpus Strategik